



UNIVERSITI
KEBANGSAAN
MALAYSIA
*The National University
of Malaysia*

جورنال التراث

AL-TURATH
Journal of al-Qur'an and al-Sunnah

AL-TURATH: JOURNAL OF AL-QURAN AND AL-SUNNAH


VOLUME 9 ISSUE 1 2024

E-ISSN 0128-0899



INDEXED BY MYJURNAL

Homepage: <https://www.ukm.my/turath/>



Copyright Information:

This article is open access and is distributed under the terms of
Creative Commons Attribution 4.0 International License.

Publisher Information:

Research Centre for al-Quran and al-Sunnah
Faculty of Islamic Studies
The National University Of Malaysia
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Tel: +60 3 8921 4405 | Fax: +60 3 8921 3017
Email: alturathjournal@gmail.com

Journal QR Code :



CABARAN PENDAFTARAN DAN KESELAMATAN INSTITUSI TAHFIZ AL- QURAN DI SELANGOR

Challenges of Registration and Safety of *Tahfiz Al-Quran* Institutions in Selangor

Muhamad Hafiz Muhamad Haneefa^{1*}, Wan Nasyrudin Wan Abdullah,² Sabri Mohamad² & Mohd Faizulamri Mohd Saad²

¹Calon PhD, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

²Pusat Kajian Al-Quran dan Al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43000 Bangi, Selangor, Malaysia

*Corresponding author: hafizpitaz@gmail.com

DOI: <https://doi.org/10.17576/turath-2024-0901-04>

Article history

Received:
13/03/2022

Revised:
26/06/2022

Accepted:
01/10/2023

Published:
30/06/2024

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti cabaran dalam pengurusan dan pendidikan tahfiz al-Quran di Negeri Selangor. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian deskriptif yang menggabungkan dua bentuk kajian iaitu kuantitatif dalam kaedah tinjauan dan kualitatif dalam kaedah temu bual berkelompok, pemerhatian dan analisis dokumen. Kaedah tinjauan digunakan bagi mendapatkan data kuantitatif tentang latar belakang sekolah tahfiz, pendaftaran, keselamatan, pengurusan dan pentadbiran, kurikulum dan sistem hafazan, hala tuju pelajar tahfiz serta pengiktirafan sijil tahfiz yang melibatkan 230 buah sekolah tahfiz di Negeri Selangor. Data kuantitatif dianalisis secara deskriptif menggunakan *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS) bagi mendapatkan frekuensi dan peratus. Kajian ini mendapati 165 institusi tahfiz di Selangor tidak mempunyai kelulusan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), 63 institusi tahfiz tidak mendapat kelulusan Jabatan Keselamatan Bomba, 58 pula tiada sokongan Pejabat Kesihatan Daerah dan 26 pula tidak berdaftar dengan Jabatan Agama Islam Selangor yang terdedah kepada risiko keselamatan dan kebakaran. Satu usaha perlu dilakukan oleh Kerajaan Negeri Selangor untuk membantu institusi tahfiz ini seperti mana usaha program pemutihan dengan memberikan kelonggaran minimum kepada kilang-kilang haram pada tahun 2020.

Kata Kunci: Tahfiz Al-Quran, Institusi Tahfiz, Pendaftaran, Keselamatan, Program Pemutihan



Abstract

This study aims to identify challenges in the management and education of *tahfiz* al-Quran in the State of Selangor. This study uses a descriptive research design that combines two forms of research, namely quantitative in the survey method and qualitative in the group interview method, observation, and document analysis. The survey method was used to obtain quantitative data about the background of *tahfiz* schools, registration, security, management and administration, curriculum and memorization systems, the direction of *tahfiz* students, and the recognition of *tahfiz* certificates in 230 *tahfiz* schools in the State of Selangor. Quantitative data was analysed descriptively using the Statistical Package for Social Sciences (SPSS) to obtain frequencies and percentages. This study found that 165 *tahfiz* institutions in Selangor do not have the approval of the local authority (PBT), 63 do not have the approval of the fire safety department, 58 do not have the support of the district health office, and 26 are not registered with the Selangor Department of Islamic Religion, which exposes them to security risks and fire. An effort needs to be made by the Selangor State Government to help this *tahfiz* institution, like the efforts of the bleaching programme, by giving minimum relaxation to illegal factories in 2020.

Keywords: *Tahfiz Al-Quran, Tahfiz Institution, Registration, Safety, Whitening Program*

PENGENALAN

Abad ke-20 kini Institusi Tahfiz Al-Quran persendirian berkembang sangat pesat sejak dua dekad lalu dengan jumlah keseluruhan pelajar kini 64,577 orang di seluruh Malaysia. Selangor mencatat jumlah terbesar, iaitu 384 buah dengan 21,248 pelajar dan 2,747 guru (Zulkiple : 2023). Pendaftaran Institusi Tahfiz pada objektif asalnya membina generasi Al-Quran tetapi kini boleh menjadi fitnah kepada generasi al-Quran itu sendiri apabila aspek keselamatan, kesihatan, pembinaan sahsiah, pemantapan hafazan dan tadabbur al-Quran diabaikan. Pihak Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) telah membuat satu keputusan untuk menangguhkan pendaftaran Institusi Tahfiz pada September 2019 sehingga tarikh yang ditetapkan bagi memantau dan menaiktaraf Institusi Tahfiz sedia ada (Mesyuarat JPPI MAIS Bil 3/2019).

Ini bertitik tolak atas titah Tuanku Sultan Negeri Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah, menitahkan semua sekolah tahfiz swasta yang tidak berdaftar dengan JAIS dan tidak mempunyai kurikulum dan sistem pendidikan akademik moden ditutup serta ditamatkan perkhidmatannya (Berita Harian, 18 Mac 2019). Rentetan itu, Bahagian Pendidikan Islam JAIS telah membuat lawatan audit dan pemeriksaan ke semua maahad tahfiz berdaftar iaitu sebanyak 352 maahad tahfiz. Antara laporan utama hasil pemeriksaan tersebut mendapati lebih 50 peratus Institusi Tahfiz tidak menyediakan kurikulum akademik, lebih 100 maahad yang baru memohon pendaftaran JAIS dan sebahagian besar maahad tahfiz tidak kompeten dalam pengurusan seperti tiada minit mesyuarat dan fail pengurusan (Azman Shah, 2019).

Oleh yang demikian, pelbagai isu serta cabaran yang dihadapi oleh Institusi Tahfiz perlu dikaji secara menyeluruh. Usaha-usahajuga perlu dilakukan untuk membantu memperkasakan Institusi Tahfiz oleh kerajaan pusat dan negeri melalui Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN) sekali gus mendepani isu dan cabaran yang berlaku di Maahad Tahfiz di Negeri Selangor.

Skop dan Metodologi

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian deskriptif yang menggabungkan dua bentuk kajian iaitu kuantitatif dalam kaedah tinjauan dan kualitatif dalam kaedah temu bual berkelompok, pemerhatian dan analisis dokumen.

Kaedah tinjauan digunakan bagi mendapatkan data kuantitatif tentang, pendaftaran dan keselamatan institusi tahniz yang melibatkan 230 buah sekolah tahniz di Negeri Selangor. Konstruk kajian dibina berdasarkan hasil tinjauan kajian terdahulu dan instrumen telah disemak dan disahkan oleh pakar. Soal selidik yang digunakan adalah soal selidik jawapan dipilih yang diedarkan kepada pengetua, pengusaha dan guru di sekolah tahniz. Data kuantitatif dianalisis secara deskriptif menggunakan *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS) bagi mendapatkan frekuensi dan peratus.

Dunkin dan Biddle (1974) mencadangkan bahawa kajian kualitatif boleh digunakan dalam kajian yang melibatkan penilaian. Kaedah kualitatif dalam bentuk temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen juga digunakan dalam kajian ini bagi menyokong kaedah kuantitatif. Instrumen temu bual berkelompok dilaksanakan adalah untuk mendapatkan data kualitatif dan mengandungi lima tema utama. Tema-tema instrumen temu bual berkelompok adalah seperti berikut:

- a. Pendaftaran Sekolah Tahniz al-Quran
- b. Keselamatan

Instrumen pemerhatian dilaksanakan terhadap dua bahagian iaitu tadbir urus dan infrastruktur.

Pendaftaran Institusi Tahniz

Jadual di bawah menunjukkan pendaftaran institusi tahniz. Pendaftaran institusi Tahniz boleh didaftarkan di bawah tiga Jabatan iaitu:

- a) Jabatan Agama Islam Selangor di bawah Majlis Agama Islam Selangor.
- b) Jabatan Pelajaran Selangor di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia.
- c) Jabatan Pembangunan Kemahiran di bawah Kementerian Sumber Manusia.

Jadual 1 Pendaftaran dan Kelulusan Sekolah Tahniz

Pendaftaran dan Kelulusan	Ada		Tiada	
	Peratus	Bilangan	Peratus	Bilangan
Pendaftaran JAIN/MAIN	88.7	204	11.3	26
Kelulusan Jabatan Kesihatan	74.8	172	25.2	58
Kelulusan Bomba	72.6	167	27.4	63
Kelulusan PBT	28.3	65	71.7	165
Pendaftaran KPM	6.1	14	93.9	216
Pendaftaran JPK	2.6	6	97.4	224

Berdasarkan jadual tersebut, sebanyak 204 (88.7%) buah sekolah berdaftar dengan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) atau Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), 172 (74.8%) buah sekolah mendapat kelulusan Jabatan Kesihatan, 167 (72.6%) buah sekolah mendapat kelulusan Bomba dan hanya 65 (28.3%) buah sekolah mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Perbincangan bersama Ahli Majlis Mesyuarat PITAS, kebanyakan sekolah tahniz tidak mendapat sokongan kelulusan daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) berkenaan keselamatan bangunan kerana mereka tidak mempunyai sijil kebenaran menduduki bangunan (CCC). Sijil ini amat penting bagi menjamin bangunan yang diduduki itu selamat untuk digunakan. Dari sudut pendaftaran dengan pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), kajian mendapati hanya 14 (6.1%) buah sekolah yang berdaftar dengan KPM. Menurut Setiausaha PITAS mendapati hal ini

disebabkan kebanyakan sekolah tahniz tidak mengikuti model pengajian arus perdana dan ianya bukan satu kewajiban untuk berdaftar KPM melainkan maahad yang menawarkan kurikulum kebangsaan (Zaharuddin 2020). Dalam pada itu, kajian turut mendapat hanya 6 (2.6%) buah sekolah berdaftar dengan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) yang menawarkan program untuk pelajar berumur 16 tahun ke atas di bawah Jabatan Pembangunan Kemahiran seperti Sijil Kemahiran Pengajaran Tahniz, Sijil Kemahiran Pengurusan Masjid dan kemahiran lain.

Keselamatan Institusi Tahniz

Isu keselamatan institusi tahniz adalah melibatkan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Jabatan Bomba dan Jabatan Kesihatan. Ia merupakan syarat utama bagi kelulusan pendaftaran penuh JAIS. Walau bagaimanapun sehingga Jun 2021, hanya terdapat 48 buah maahad tahniz telah mendapat pendaftaran penuh 5 tahun, 335 maahad tahniz masih pendaftaran sementara dan 128 institusi tahniz masih dalam proses pendaftaran samada telah mendapat kelulusan penubuhan dari JAIS atau tidak. Dijangka lebih banyak maahad tahniz dapat didaftarkan secara penuh dengan kelulusan oleh pihak PB memandangkan Kerajaan Negeri Selangor telah meluluskan Program Pemutihan Institusi Tahniz di Negeri Selangor mulai 1 April 2021 sehingga 31 Mac 2022 (Zaharuddin 2021).

1. Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)

PBT ditubuhkan melalui Peruntukan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). PBT merupakan Kerajaan Ketiga dalam pemerintahan negara selepas daripada Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan. PBT boleh mendakwa dan didakwa (Seksyen 13 Akta Kerajaan Tempatan, 1976).

Sebagai Kerajaan Ketiga, Pihak Berkuasa Tempatan mempunyai tugas-tugas yang tersendiri yang mendorong ianya menguatkuaskan peraturan-peraturan yang telah diletakkan hak kepadanya. Tiga Undang-Undang Utama yang dikuat kuasakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan meliputi:

- a) Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171): PBT diberi peranan untuk memastikan kehidupan masyarakat setempat berada dalam keadaan kondusif.
- b) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172): PBT sebagai pihak berkuasa perancang tempatan diberi peranan untuk merancang dan mengawal kawasannya bersesuaian dengan kondisi setempat.
- c) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133): PBT berperanan untuk mengawal dan memastikan pembinaan bangunan, jalan dan longkang berada dalam keadaan yang baik.

Jika dilihat dengan akta-akta bangunan dan tanah, maka lebih 80% institusi tahniz di Selangor akan ditutup kerana tidak mengikut aspek peraturan bangunan. Isu-isu yang dihadapi oleh kebanyakan Institusi Tahniz adalah melibatkan tanah dan bangunan yang dibina. Berikut adalah isu berkaitan kelulusan PBT (PITAS 2019):

- a) Tanah berada di Zon yang tidak dibenarkan buka zon pendidikan seperti zon perindustrian, zon perumahan, zon perhutanan dan lain-lain.
- b) Kebanyakan tanah berada di atas tanah pertanian dan bukan tanah komersial untuk membina bangunan.
- c) Sebahagian tanah berada di atas tanah waqaf yang tidak didokumentasi
- d) Bangunan yang didirikan tidak mendapat Kebenaran Merancang oleh PBT
- e) Bangunan tidak mendapat kelulusan menduduki bangunan (CF/ CC)
- f) Bangunan yang didirikan tidak mengikut kelulusan PBT seperti tiada
- g) Bangunan didirikan di atas tanah kerajaan.

Satu usaha telah dilakukan bersama Kerajaan Negeri Selangor, JAIS, Malaysian Institute of Planner (MIP) dan Persatuan Institusi Tahfiz Al-Quran Negeri Selangor (PITAS) bagi membantu menyelesaikan isu PBT di sekolah-sekolah tahfiz ini. Satu garis panduan Pemutihan telah diluluskan melalui Mesyuarat Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Selangor yang dipengerusikan oleh Menteri Besar Selangor pada Disember 2020 (PITAS 2021). Walaubagaimanapun, sepanjang Perintah Pergerakan Kawalan Pergerakan (PKP) melambatkan proses ini dan akhirnya pada awal tahun 2022 usaha dilakukan di semua 12 PBT dengan kerjasama PITAS mengadakan taklimat program pemutihan institusi tahfiz bagi mencepatkan proses ini.

Berikut adalah data-data penting bagi program pemutihan institusi tahfiz melibatkan jenis bangunan, bilangan tingkat, status dan kategori tanah:

Jadual 2 Kriteria Program Pemutihan Tahfiz

Jenis Bangunan	Peratus	Bilangan
Rumah penginapan	44.35	102
Bangunan sekolah	40.87	94
Rumah kedai	11.74	27
Bangunan masjid/surau	10.43	24
Lain-lain	0.87	2
Bilangan Tingkat	Peratus	Bilangan
2 tingkat	47.83	110
1 tingkat	39.13	90
3 tingkat	13.48	31
4 tingkat	3.48	8
5 tingkat	1.74	4
Status Tanah	Peratus	Bilangan
Tanah persendirian	57.39	132
Tanah wakaf persendirian	24.78	57
Tanah masjid/surau	7.83	18
Tanah wakaf Majlis Agama Negeri	7.39	17
Tanah kerajaan negeri	4.35	10
Lain-lain	1.74	4
Tanah yang tidak jelas status	0.87	2
Kategori Tanah	Peratus	Bilangan
Tanah Pertanian	43.91	101
Tanah Bangunan	40.43	93
Lain-lain	8.69	20
Strata (bangunan bertenaga)	5.65	13
Tanah Industri	2.61	6

Dapatan kajian bagi jenis bangunan sekolah tahfiz menunjukkan rumah penginapan mencatatkan jumlah yang tertinggi iaitu sebanyak 102 (44.35%) buah sekolah, diikuti dengan bangunan sekolah mewakili sebanyak 94 (40.87%). Manakala bagi rumah kedai sebanyak 27 (11.74%), bangunan masjid atau surau sebanyak 24 (10.43%) dan yang paling rendah adalah lain-lain jenis bangunan iaitu sebanyak 2 (0.87%) buah sekolah. Antara lain-lain jenis bangunan yang terdapat dalam data kajian ini adalah seperti bangunan fakulti dan kontena.

Data kajian bagi bilangan tingkat bangunan menunjukkan bilangan sekolah tahfiz yang menggunakan jenis bangunan dengan tingkat tertinggi adalah lima tingkat iaitu 4 (1.74%) buah

sekolah sahaja yang melibatkan kos operasi yang tinggi dan kelulusan Jabatan Bomba yang lebih ketat seperti keperluan *host rate*.

Kajian bagi status tanah sekolah mendapati bilangan yang tertinggi adalah sekolah tahniz yang dibina di atas tanah persendirian iaitu sebanyak 132 (57.39%). Tanah wakaf persendirian menjadi penyumbang kedua terbesar dalam pembinaan sekolah-sekolah tahniz yang melibatkan sebanyak 57 (24.78%) buah sekolah. Ini menunjukkan usaha besar dari individu-individu tertentu dalam mengembangkan pendidikan tahniz di Selangor.

Bagi kategori tanah sekolah pula, kajian mendapati tanah daripada kategori pertanian antara yang mencatatkan jumlah tertinggi iaitu sebanyak 101 (43.91%) buah sekolah dibina di atas tanah tersebut. Ini menyebabkan kos agak tinggi melibatkan tukar syarat tanah, pelan bangunan dan proses mendapatkan kelulusan menduduki bangunan (CCC). Ia juga memerlukan masa yang lama dalam memproses pertukaran syarat tanah dan isu-isu lain seperti penandatangan persetujuan sekiranya terdapat pemilik yang ramai dalam satu geran tanah. Walaubagaimanapun pihak PBT akan memberikan Kebenaran Merancang Terhad kepada institusi tahniz dalam tempoh 3 – 5 tahun bagi menyelesaikan isu-isu tanah (Juwairiah 2021).

Kerajaan Negeri Selangor telah menujuhkan sebuah jawatankuasa khas bagi menyelesaikan isu pendaftaran PBT yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Tuan Hj. Zawawi b. Ahmad Muqhni dan dianggatoi oleh 20 jabatan kerajaan dan PITAS yang diwakili oleh penyelidik. Hasil Mesyuarat Taskforce Pemutihan Institusi Tahniz Peersendirian yang diadakan di Bilik Mesyuarat SUK Shah Alam memutuskan Program Pemutihan ini berkuatkuasa mulai 1 April 2021 sehingga 31 Mac 2022 bagi membolehkan semua institusi tahniz mendapatkan khidmat konsultan dan seterusnya mendapat sokongan PBT (Minit Mesyuarat Taskforce, 8 Mac 2021).

2. Jabatan Bomba dan Penyelamat

Proses mendapatkan Sijil Perakuan Bomba bagi sekolah tahniz al-Quran yang baru hendak ditubuhkan adalah seperti berikut (Jabatan Keselamatan Bomba 1988):

- a) Pengusaha Sekolah tahniz perlu membuat permohonan Sijil Perakuan Bomba di Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri atau Pejabat Zon Bomba di mana tempat terletak premis ditetapkan tersebut yang merupakan pejabat memproses apa-apa permohonan Perakuan Bomba.
- b) Borang permohonan yang dikemukakan perlulah mematuhi maklumat-maklumat berikut seperti:
 - i. Salinan CCC atau CFO
 - ii. Pelan Bangunan (yang telah diperakukan oleh JBPM semasa pengeluaran CCC/CFO)
 - iii. Surat pemilikan premis terkini.
 - iv. Hak milik tanah
 - v. Salinan cukai pintu
 - vi. Lesen perniagaan
- c) Setelah proses permohonan dan dokumen yang lengkap, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia akan menentukan tarikh dan melakukan pemeriksaan ke atas premis.
- d) Sijil perakuan bomba akan dikeluarkan dalam tempoh lima hari dari tarikh pembayaran dibuat sekiranya semua sistem pepasangan Keselamatan Kebakaran berada dalam keadaan yang baik dan memuaskan. Setelah keputusan diperolehi, tempoh berkuat kuasa suatu perakuan bomba adalah selama 12 bulan mengikut tarikh sijil dikeluarkan.

Jadual di bawah menunjukkan dapatan jumlah sekolah tahniz yang melaksanakan aspek keselamatan kebakaran, latihan kebakaran, memiliki kemudahan, melaksanakan keselamatan bangunan dan keselamatan asrama.

Jadual 3 Aspek Keselamatan

Aspek Keselamatan Kebakaran	Ada		Tiada	
	Peratus	Bilangan	Peratus	Bilangan
Alat pemadam api	96.5	222	3.5	8
Akses jalan masuk bomba	95.7	220	4.3	10
Tapak berkumpul	94.8	218	5.2	12
Lampu tanda keluar	84.8	195	15.2	35
Mempamerkan lesen/ permit	83.9	193	16.1	37
Lampu kecemasan	78.3	180	21.7	50
Alat pengesan haba	73.5	169	26.5	61
Penggera kecemasan	69.1	159	30.9	71
Sumber air terbuka	64.8	149	35.2	81
Pelan kecemasan kebakaran	63.9	147	36.1	83
Notis/Papan tanda kecemasan	63.9	147	36.1	83
Garis panduan kecemasan	62.6	144	37.4	86
Pili bomba berdekatan	56.1	129	43.9	101
SOP Kebakaran	55.7	128	44.3	102
SOP Kecemasan	53.9	124	46.1	106
Skuad bomba	44.3	102	55.7	128
Sistem gegelung hos	17.4	40	82.6	190
Latihan Kebakaran	Buat		Tidak	
	Peratus	Bilangan	Peratus	Bilangan
	69.1	159	30.9	71
Aspek Kemudahan	Ada		Tiada	
	Peratus	Bilangan	Peratus	Bilangan
Peti pertolongan cemas (first aid)	94.3	217	5.7	13
Penyelenggaraan tandas	92.2	212	7.8	18
Longkang	86.5	199	13.5	31
Kenderaan sekolah	71.7	165	28.3	65
Bilik fail	62.6	144	37.4	86
<i>Samb....</i>				
Peraturan menaiki kenderaan (dokumen)	32.2	74	67.8	156
Pemandu memiliki lesen Kenderaan Perkhidmatan Awam (PSV)	20.4	47	79.6	183
Bilik kebal (Peperiksaan)	16.5	38	83.5	192
Aspek Keselamatan Bangunan	Ada		Tiada	
	Peratus	Bilangan	Peratus	Bilangan
Kipas (Pengudaraan)	96.5	222	3.5	8

		Ada		Tiada
Aspek Keselamatan Asrama	Peratus	Bilangan	Peratus	Bilangan
Pintu keluar masuk berasingan	92.6	213	7.4	17
Grill (kemudahan pintu keluar)	87.4	201	12.6	29
Penyelenggaraan pendawaian elektrik	86.1	198	13.9	32
Pagar	84.3	194	15.7	36
Dapur mempunyai dinding pemisah/ berasingan	79.1	182	20.9	48
Aircond (Pengudaraan)	77.0	177	23.0	53
Jeriji mudah keluar	69.1	159	30.9	71
Tangga keselamatan (sekiranya bangunan 2 tingkat)	66.1	152	33.9	78
Pelan kelulusan bangunan	61.7	142	38.3	88
CCTV	57.4	132	42.6	98
Sijil menduduki bangunan (CCC/CF)	39.1	90	60.9	140
Peti besi (kewangan)	32.6	75	67.4	155

Aspek Keselamatan Asrama	Peratus	Bilangan	Peratus	Bilangan
Pemantauan keselamatan asrama	92.2	212	7.8	18
Prosedur masuk asrama (keluar masuk)	89.6	206	10.4	24
Mempamerkan dasar keselamatan	53.9	124	46.1	106
Mempamerkan poster-poster keselamatan	43.9	101	56.1	129

Jadual menunjukkan bilangan sekolah yang memenuhi aspek keselamatan kebakaran seperti alat pemadam api 222 (96.5%), akses jalan masuk bomba sebanyak 220 (95.7%), tapak berkumpul sekiranya berlaku kecemasan 218 (94.8%), lampu tanda keluar 195 (84.8%) dan sekolah mempamerkan lesen atau permit adalah sebanyak 193 (83.9%) buah sekolah. Kebanyakan Institusi tahfiz mempunyai alat keselamatan pemadam api setelah kerajaan memperuntukan 5 tong setiap institusi tahfiz di seluruh Malaysia pada tahun 2018 (Shaharuddin Samad 2019).

Latihan kebakaran adalah salah satu daripada perkara yang perlu dilakukan bagi memastikan langkah-langkah keselamatan dapat dilaksanakan sebaik mungkin sekiranya berlaku kejadian yang sebenar. Justeru, berdasarkan Jadual di atas, kajian mendapati, daripada 230 sekolah tahfiz, 159 (69.1%) buah sekolah melaksanakan latihan kebakaran dengan kerjasama balai bomba berdekatan. Manakala 71 (30.9%) buah sekolah lagi tidak melaksanakan latihan kebakaran sekalipun pihak kerajaan telah mengarahkan setiap sekolah tahfiz menubuahkan skuad bomba dengan jumlah minimum 10 pelajar dan melaksanakan latihan kebakaran sebagai langkah pencegahan kebakaran sekurang-kurangnya setahun sekali (Zaharuddin 2020).

Berdasarkan jadual tersebut, pihak institusi tahfiz kurang mengambil perhatian dalam menyediakan dokumen peraturan menaiki kenderaan sebanyak 74 (32.2%), smanakala yang mengajikan pemandu memiliki lesen Kenderaan Perkhidmatan Awam (PSV) 47 (20.4%). Satu kesalahan sekiranya guru tidak mempunyai lesen PSV ketika membawa anak-anak murid mengikuti program di luar. Ini kerana satu kes kemalangan yang mengakibatkan kematian 7 pelajar dan akhirnya Mahkamah Seksyen di Kota Bharu memerintahkan Maahad Tahfiz Al-Hashimi di Kuala Krai perlu membayar ganti rugi am dan khas kerana kecuaian berjumlah RM4.3 juta (Berita Harian 2018).

Manakala kebanyakan institusi tahniz telah membuat penyelenggaraan pendawaian elektrik 198 maahad (86.1%) setelah bajet kerajaan diluluskan sebanyak RM30 juta pada tahun 2018. MARA dipertanggungjawabkan untuk menyelenggara lebih 1000 institusi tahniz di seluruh Malaysia samada yang berdaftar dan yang belum mendaftar bagi menjamin keselamatan bangunan dan murid (Berita Harian 2018).

3. Jabatan Kesihatan

Mana-mana pihak yang ingin menubuhkan sekolah tahniz perlu memberi perhatian terhadap aspek kesihatan, kebersihan dan persekitaran sekolah. Ini kerana persekitaran persekolahan yang kondusif membantu murid-murid mengadaptasi pengetahuan dan amalan kesihatan dalam kehidupan mereka. Oleh itu, pihak yang ingin menubuhkan sekolah tahniz perlu mendapatkan kelulusan daripada Jabatan Kesihatan supaya sekolah dapat beroperasi dalam keadaan yang selamat. Prosedur pemeriksaan kesihatan persekitaran sekolah daripada Jabatan Kesihatan terdiri daripada beberapa peringkat iaitu:

- Perhubungan antara Bahagian Pendidikan JAIS dengan Pengetua Sekolah
- Pegawai Kesihatan Daerah membuat temujanji dan memberi arahan tentang pemeriksaan
- Penolong Pegawai Kesihatan Persekutuan Kanan menerima arahan daripada Pegawai Kesihatan Daerah dan seterusnya membuat jadual perancangan
- PPKP Unit Kesihatan Alam Sekitar/Am menjalankan pemeriksaan dan penilaian mengikut jadual yang telah ditetapkan, seterusnya membuat laporan tentang ulasan dan cadangan. Selanjutnya, maklum balas diberikan kepada pihak sekolah dan Jabatan Kesihatan Negeri dan merekod dan menfaillkan maklum balas tersebut. Akhir sekali, membuat tindakan susulan kepada pihak sekolah.
- Setelah maklum balas diperolehi, penilaian akan dijalankan kepada pihak sekolah.
- Membuat laporan dan maklum balas.

Jadual di bawah menunjukkan dapatan jumlah sekolah tahniz yang mematuhi aspek kesihatan iaitu pencahayaan dan kawalan serangga, pengurusan dapur, rekod kesihatan murid dan pemeriksaan terhadap barang milik murid/barangan bahaya.

Jadual 4 Aspek Kesihatan

Pencahayaan dan Kawalan Serangga	Ada		Tiada	
	Peratus	Bilangan	Peratus	Bilangan
Lampu (Pencahayaan)	91.7	211	8.3	19
Pes control (kawalan serangga)	59.6	137	40.4	93
Pengurusan Dapur				
Pengurusan Dapur	Ada		Tiada	
	Peratus	Bilangan	Peratus	Bilangan
ii. Suntikan tifoid	83.9	193	16.1	37
i. Latihan pengendalian makanan	83.0	191	17.0	39
Rekod Kesihatan Murid				
Rekod Kesihatan Murid	Ada		Tiada	
	Peratus	Bilangan	Peratus	Bilangan
Prosedur murid sakit	83.9	193	16.1	37
Samb...				
Kempen kesihatan murid	57.4	132	42.6	98
Saringan kesihatan	55.2	127	44.8	103
Garis panduan (SOP) kawalan penyakit berjangkit	49.1	113	50.9	117
Program kesihatan sekolah (suntikan vaksin/imunisasi)	30.9	71	69.1	159

Program kesihatan pergigian	18.7	43	81.3	187
Aspek pemeriksaan	Ada		Tiada	
	Peratus	Bilangan	Peratus	Bilangan
Pemeriksaan terhadap barang milik murid/ barang berbahaya	96.1	221	3.9	9

Menurut Timbalan Pengerusi PITAS, isu yang besar dalam kelulusan Jabatan Kesihatan adalah *pest control* (kawalan serangga) yang memerlukan kepada 3 kali proses dalam setahun dan melibatkan kos. Begitu juga kebanyakan institusi tahfiz tidak mendapat pendedahan dan peluang untuk program vaksinasi berbanding sekolah kerajaan. Alhamdulillah mulai tahun 2019, Kementerian Kesihatan Malaysia telah meluluskan semua sekolah-sekolah agama swasta termasuk sekolah tahfiz diberikan suntikan vaksinasi secara percuma berbanding sebelum ini dikenakan bayaran (Shaharuddin 2019).

KESIMPULAN

Kajian ini telah mengenal pasti cabaran pendaftaran institusi tahfiz dan keselamatan institusi tahfiz. Usaha dari Kerajaan Negeri Selangor, JAIS, PITAS, MIP dan semua PBT dapat membawa hasil walaupun memerlukan 3 tahun untuk meluluskan Garis Panduan Pemutihan Institusi Tahfiz Negeri Selangor. Kesimpulannya, semua sekolah tahfiz khususnya swasta adalah tertakluk untuk berdaftar dengan JAIS, mendapatkan kelulusan PBT, Jabatan Bomba dan Jabatan Kesihatan sebelum beroperasi bagi menjamin keselamatan para pelajar dan guru-guru. Kajian ini mendapati 165 institusi tahfiz di Selangor tidak mempunyai kelulusan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), 63 institusi tahfiz tidak mendapat kelulusan Jabatan Keselamatan Bomba, 58 pula tiada sokongan Pejabat Kesihatan Daerah dan 26 pula tidak berdaftar dengan Jabatan Agama Islam Selangor yang terdedah kepada risiko keselamatan dan kebakaran. Satu usaha perlu dilakukan oleh Kerajaan Negeri Selangor untuk membantu institusi tahfiz ini seperti mana usaha program pemutihan dengan memberikan kelonggaran minimum kepada kilang-kilang haram pada tahun 2020.

Penghargaan

Makalah ini adalah sebahagian kajian Doktor Falsafah Pengajian Islam di Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Sumbangan Pengarang

Konseptualisasi, M. Hafiz; Metodologi, M. Hafiz, Wan Nasryudin, Sabri, Faizulamri; Analisis, M. Hafiz & Wan Nasryudin; Bahasa, M. Hafiz & Faizulamri. Semua pengarang telah membaca dan bersetuju menerima versi manuskrip yang diterbitkan.

Konflik Kepentingan

Tidak berkenaan

Deklarasi Penggunaan AI

Tidak berkenaan.

Rujukan

- Azman b. Mohd Lana, Penolong Pengarah Kanan Unit Pendaftaran Sekolah Islam JAIS, lawatan audit ke Institusi Tahfiz Selangor, Temu Bual, 21 Ogos 2019.
- Berita Harian, 2018, Pusat Tahfiz Diselenggara, www.bharian.com.my/amp/berita/wilayah/2018/01/382972/442-pusat-tahfiz-tidak-berdaftar-siap-diselenggara [31 Januari 2018]
- Berita Harian, 2108, Maahad Tahfzi Diperintah Membayar ganti Rugi RM4.3 juta, www.bharian.com.my/amp/berita/kes/2018/09/477099/maahad-tahfiz-diperintah-bayar-ganti-rugi-rm43-juta [23 September 2018]
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Dasar Pendidikan Tahfiz Negara, 2021
- Jabatan Keselamatan Bomba, Akta Perkhidmatan Bomba, 1988
- Juwairiah Ho, Program Pemutihan Tahfiz, Temubual, 23 November 2021
- Kementerian Pendidikan Malaysia, Kajian Dasar, Pengurusan dan Kurikulum Murid-Murid Tahfiz Malaysia Dalam Sistem Pendidikan Negara, 2021
- Majlis Agama Islam Selangor, Dasar Pengurusan Tahfiz Negeri Selangor, 2013
- Kerajaan Negeri Selangor, Minit Mesyuarat Taskforce Pemutihan Institusi Tahfiz, 8 Mac 2021
- Majlis Agama Islam Selangor, Minit Mesyuarat JPPI MAIS Bil 3/2019, 23 September 2020
- Shaharuddin b. Abdul Somad, Alat Keselamatan Pemadam Api, Temu Bual, 5 September 2020.
- Shaharuddin b. Abdul Somad, Kelulusan Jabatan Kesihatan, Temu Bual, 5 September 2020.
- Zaharuddin b. Hussin, Pendaftaran KPM, Temu Bual, 5 Ogos 2020.
- Zaharuddin b. Hussin, Skuad Bomba, Temu Bual, 5 Ogos 2020.
- Zaharuddin b. Hussin, Program Pemutihan Institusi Tahfiz Selangor, Temu Bual, 20 Mei 2021.
- Zulkiplie Abd Ghani, Muhammad Khairi Mahyuddin, Suhailiza Md. Hamdani, Khairunneezam Mohd. Noor, Amir Shahrudin, Wan Muhamad Sheikh Abdul Aziz. 2023. Pengurusan Hal Ehwal Islam di Malaysia. Universiti Sains Islam Malaysia.